

KATA - KATA PERBILANGAN DALAM
ADAT PERPATEH
SUATU ANALISA UMUM

SHAHIDAN MOKHTAR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR

1974 - 1975

KATA-KATA PERBILANGAN DALAM ADAT PERPATEH
(SUATU ANALISA)

Latihan Ilmiah

Untuk memenuhi syarat-syarat bagi
Ijazah Serjana Muda dengan Kepujian Dalam
Pengkajian Bahasa Kesusasteraan & Kebudayaan
Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur 1974/5

Oleh

SHAHIDAN B. MOKHTAR

Institusi Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur.

Intikata.

"Pemimpin itu ibarat,

Pohon rendang ditengah padang
Batangnya untuk bersandar
Bahunya untuk bergantung
Daunnya untuk melindungi
Buahnya untuk dimakan.

"Masyarakatnya hidup,

Seperti air dengan tebing
Bak telar pecangkar
Pecah sebihi pecah songa
Sehalaman sepermansinan
Seperigi sepermajian
Segayung seperguleran
Sejamban seperulangan.

"Peranan individunya,

Kalau cerdik hendakkan rundingannya
Kalau kaya hendakkan emasnya
Kalau miskin hendakkan doanya
Kalau jahil hendakkan aminnya.

"Keharmonian masyarakatnya,

Besar jangan melanda
Cerdik jangan menganiaya
Yang tua dimuliakan
Yang muda dikasihni
Sama setaya agak sepakat.

"Tanggung jawab dan bekorjasama,

Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Kebukit sama didaki
Kelurah sama dituruni
Dapat sama laba
Hilang sama rugi.

"Begitu antara dasar2 adat yang

Tak lapuk dek hujan
Tak lekang dek panas.

DAFTAR KANDUNGAN

Sinopsis	i
Kata Penghargaan	iv
Pendahuluan	vi
<u>Bab 1</u>	
Kata-kata perbilangan adat	1
<u>Bab 2</u>	
Huraian isi dan maksud	25
<u>Bab 3</u>	
Bahasa dan teknik	47
<u>Bab 4</u>	
Pemakaian kata-kata perbilangan dalam masyarakat.	67.
<u>Bab 5</u>	
Penutup	84
<u>Lampiran</u>	
A. Adat Perpatih secara umum	90
B. Perbezaan Adat Perpatih dengan Adat Temenggung	106
C. Adat Perpatih hari ini	111
<u>Bibliographi</u>	113.

Sinopsis

"Kata-kata perbilangan" adalah merupakan sebahagian daripada cabang keausteraan Melayu lama, khususnya dalam golongan Puisi Melayu Lama. Kata-kata perbilangan ini adalah merupakan satu ciri yang umum pada masyarakat yang beradat Perpatih. Kata-kata ini sering adalah merupakan sama ada dalam pengucapan sehari-hari maupun pada upacara-upacara yang tertentu. Pendek kata ianya merangkumi segala bidang kehidupan seperti politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan keagamaan.

Setiap kata-kata yang wujud, mempunyai fungsi yang tertentu. Daripada kata-kata ini dapat menggambarkan secara umum kehidupan masyarakat Melayu, khususnya masyarakat yang beradat Perpatih. Dari kata-kata perbilangan itu juga boleh menunjukkan beberapa dasar dan pegangan hidup masyarakat itu.

Dalam bidang politik, dari kata-kata perbilangan itu dapat menggambarkan susunan yang tertentu mengenai cara-cara pemerintahan dan juga pentadbiran. Selain dari itu ia dapat mencerminkan peribadi pemimpin-pemimpin yang harus dimiliki dalam sesuatu masyarakat itu. Malah tugas dalam sesuatu dan tanggung jawab pemimpin juga telah digambarkan melalui kata perbilangan itu.

Dalam kegiatan ekonomi, melalui kata-kata perbilangannya juga telah dapat menggambarkan corak-corak kegiatan yang dijalankan oleh anggota-anggota masyarakat, disamping mencerminkan usaha-usaha perpaduan dan kerjasama dikalangan anggota-anggota masyarakatnya. Begitu juga dalam hal-hal social dan kemasyarakatan. Malah dalam perkara-perkara ini, kata-kata perbilangan agak jelas menggambarkan hubungan masyarakat yang begitu tertutup atau dapat juga disebut sebagai masyarakat yang mempunyai hubungan "face to face".

Kerjasama dan persefahaman serta keamanan dalam kehidupan sehari-hari agak jelas dilihat melalui dasar-dasar itu.

Satu perkara menarik untuk diperkatakan mengenai kata-kata perbilangan ini ialah kemunculan kata-kata itu sendiri. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kelahiran kata-kata ini adalah daripada pengalaman, penglihatan dan pemikiran orang-orang Melayu sendiri. Dengan memanggangkan akan keindahan dari segi penggunaan kata-kata, irama dan susunan yang menarik, dapatlah dikatakan bahawa masyarakat Melayu telah mempunyai pemikiran 2 yang bernilai, walau pun dizaman pertumbuhan kata-kata itu tidak mempunyai kemudahan2 seperti yang ada pada masa kini.

Kata Penghargaan

Dalam menjalankan kajian dan menganalisa kata-kata perbilangan adat ini, penulis ingin merakamkan beberapa ucapan terima kasih kepada gulungan-gulungan yang telah bekerjasama bagi menyempurnakan kajian ini. Terutama sekali penulis ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada beberapa orang pakar adat di Kampung Mantin yang telah banyak menolong memberi dan menghuraikan maksud kata-kata perbilangan tersebut. Antara yang terlibat ialah Encik Bujal bin Jais (seorang pakar adat), Datuk Menteri Abdul Aziz bin Ahmad, Datuk Senara Encik Maarof bin Segara, dan beberapa pakar adat yang lain.

Untuk melicinkan teknik dan persembahan kajian ini, penulis juga tidak lupa melahirkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Puan Siti Hana Salleh, iaitu Pencerah di Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, kerana memberi petunjuk dan nasihat yang berfaedah untuk kajian ini.

Dalam mendapatkan bahan-bahan tambahan, penulis juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada beberapa orang penulis kertas kerja Seminar Pencerahan dan Adat Perpatih yang dianjurkan oleh Majlis Belia Negeri Sembilan di Seremban pada 9 - 12 April 1974 yang lalu.

Penulis juga tidak lupa untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Cik Rohaya, dari bahagian pentadbiran Hospital Universiti, kerana kesudiannya untuk menaip latihan ini. Buat akhirnya, sekali lagi penulis melahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama bagi menjayakan latihan ini.

Shahidan Mokhtar

Inst. Bahasa, Kesusasteraan dan
Kebudayaan Melayu, Universiti
Kebangsaan Malaysia,
Kuala Lumpur.

Pendahuluan

Kata-kata perbilangan adalah salah satu cabang peri bahasa Melayu yang tergolong dalam kategori Puisi Melayu Lama. Ianya juga merupakan hasil2 sastra tradisi lisan. Sebagaimana tradisi2 lisan yang seperti pantun, syair, gurindam, jampi montora, maka kata-kata perbilangan juga adalah termasuk pada golongan apa yang dikatakan sebagai "sastra berfungsi". Fungsi yang agak jelas ialah bagaimana kata perbilangan ini memainkan peranan nya dalam menggambarkan corak kehidupan dan kebudayaan melayu yang khususnya masyarakat yang mengamalkan sistim Adat Perpatih.

Dengan hal yang demikian, dalam usaha2 mengumpulkan kata-kata perbilangan yang terdapat pada masyarakat yang beradat Perpatih ini, tak secara langsung merupakan usaha2 bagi mengumpulkan hasil2 sastra tradisionista, yang mungkin kurang diketahui dewasa ini. Jadi disamping pengumpulan hasil-hasil- tradisi yang berbentuk kata-kata perbilangan adat ini, kita akan cuba menganalisa penggunaan kata-kata ini dari beberapa aspek. Antara aspek-aspek yang akan disentuh nanti dari segi maksud dan juga fungsi2 nya pada masyarakat, peninjauan tentang penggunaan dan gaya bahasa serta juga cara2 penyampaiannya. Selanjutnya akan disentuh juga beberapa upacara yang khusus dalam masyarakat yang beradat Perpatih yang menjalankan perbicaraannya dengan

menggunakan kata-kata perbilangan ini. Inilah antara lain yang menjadi objektif kajian ini.

Dalam melaksanakan kajian untuk memenuhi objektif yang diharapkan, maka beberapa kaedah dan cara penyelidikan telah dijalankan terutama dalam mencari dan mengumpulkan kata-kata, kuralan tentang maksud dan fungsi dan juga tentang pemakaiannya dalam masyarakat yang beradat Perpatih.

Walaupun bagaimana pun ini bukan merupakan satu pengenalisan yang begitu lengkap, namun ianya diharapkan akan dapat memberikan gambaran yang umum tentang cara hidup, pemikiran dan juga kebudayaan masyarakat Melayu khususnya yang beradat Perpatih. Tetapi tinjauan yang dibuat dengan membandingkan keadaan dan masa kini semestinya menghasilkan beberapa perbezaan, kerana adat adalah satu cabang dari kebudayaan. Kebudayaan akan mengalami berbagai2 perubahan sesuai dengan suasana dan zaman. Ini tidaklah terkocuali pada adat.

Apa yang harus diberi penghargaan ialah daya pemikiran masyarakat Melayu yang melahirkan kata-kata yang bernilai sebagai suatu sumber bagi sastra lisan. Apa yang ada ialah hasil dari penglihatan, pengalaman, pengetahuan dan pemikiran masyarakat Melayu dimasa lampau. Ini boleh dianggap setara nilainya dengan apa yang terdapat pada dewasa ini. Namun penilaian merupakan suatu yang relatif dan ini terpulanglah kepada pemikiran dan pandangan individu.

Bab. Dua

Huraian Mengenai Isi Dan Maksud

Setiap pengucapan seharusnya mempunyai makna yang tertentu. Sesuatu yang hendak disampaikan kepada pengetahuan umum, boleh dilakukan dengan berbagai cara sama ada dengan secara terus maupun dengan menggunakan kiasan-kiasan yang bermakna. Inilah yang akan diperbincangkan berhubung dengan memberi penghuraian tentang isi dan maksud yang terdapat pada kata-kata perbilangannya yang terdapat dalam adat Perpatih ini.

Walaupun bagaimanapun dalam perbincangan yang singkat ini, saya hanya akan membuat penghuraian yang berdasarkan kepada beberapa rangkai kata-kata perbilangannya melalui kontak-kontak yang tertentu. Adalah di harapkan, melalui huraian yang singkat ini akan dapat memberi sedikit gambaran secara umum akan keadaan-keadaan yang tertentu dalam masyarakat yang beradat Perpatih.

Satu perkara yang agak menarik hati tentang memberi tafsiran kata-kata perbilangannya ini ialah terdapatnya penggunaan ungkapan yang berulang-ulang, dan kadang-kadang ungkapan itu mempunyai fungsi yang sama. Namun ada juga terdapat ungkapan yang sama digunakan pada kontak-kontak yang lain dan mempunyai fungsi dan tujuan yang lain pula.

Seperti yang telah dinyatakan pada bagian awal lagi, bahwa kata-kata perbilangan sama ada yang digunakan bagi menyampaikan sesuatu maksud, maupun hanya digunakan sebagai hiasan perangkap, namun kata-kata itu tetap punya arti dan tujuan. Perbilangao-perbilangao yang ada telah meranghuni segala aspek kehidupan masyarakat Melayu namun tetap lebih khusus masyarakat Melayu yang beradat Perpatih.

Buduk berpelarasao
 Bukit rumah dekat kampung
 Sehalusan seperanian
 Saperigi sepermadian
 Segayang sepergeloran
 Sejalan setepian.

Daripada ungkapan-ungkapan diatas, dapatlah kita analiskan akan cara kehidupan sesuatu masyarakat. Agak jelas bahwa anggota-anggota masyarakat itu menjalinai hidup dengan mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Hubungan ini mungkin disebabkan oleh sifat-sifat tradisional yang disertai pula oleh keadaan tempat tinggal yang berhimpitan, ditambah pula menggunakan sesuatu benda-benda serta keperluan secara bersama. Kemudian dalam peribahasa ini diilustrikan dengan kata-kata:

Mufakat tak berabah
 Rakain tak berabah.
 Bukit air kerana pedetung
 Bukit manusia kerana mufakat.

Dari ungkapan tersebut, telah menunjukkan pada kita akan betapa teguhnya kesetiaan difelangan anggota-anggota dalam satu-satu masyarakat itu. Hinggakan tiap tiap satu keputusan yang hendak diambil sebenarnya lah melalui permufakatan dan perundingan terlebih dahulu. Halah sesuatu yang telah ditetapkan melalui perundingan itu agak sukar untuk diubah-ubahkan. Seandainya hasil permufakatan itu merupakan sesuatu rahsia, maka rahsia yang perlu disimpan itu tidak begitu mudah untuk dibocorkan. Kerjasama adalah merupakan satu dasar yang mutlak bagi anggota-anggota masyarakat itu. Keadaan ini telah dinyatakan dengan,

Hidup telong menolong
 Rak sur dengan tebing
 Ibarat laba menjalar kehulu
 Ibarat kundur menjalar kehilir
 Pangkalnya sama dipupuk
 Pucuknya sama digentis
 Buahnya sama diambil.

Dalam sesuatu pekerjaan yang dilakukan bersama maka setiap anggota itu berbak untuk mendapatkan faedah yang sama, walau pun kadar bilangannya agak terhad. Apa yang pentingnya ialah cara perlaksanaannya. Keadaan ini telah dijelaskan lagi dengan ungkapan yang berikut.

Hati gajah sama dilapah
 Hati kuman sama disecah.
 Berat sama dipikul
 Ringan sama dijinjing
 Kebukit sama didaki
 Kelurah sama dituruni
 Kelaut sama diremangi.

Perbilangannya diatas adalah gambaran perlakuan anggota-

anggota masyarakat itu sehari-hari. Kata-kata itu juga akan menguntukan hujah bagi membuktikan bahwa kerjasama akan menguntukan hujah bagi membuktikan bahwa kerjasama

adalah perisip yang utama bagi anggota-anggota masyarakat yang beradat Perpatih. Tegasnya dalam sebarang hal harus dilalui bersama. Sebarang keuntungan dan kerugian harus dirasakan bersama.

Setiap tindak-tanduk individu seharusnya ditumpukan kepada masyarakatnya. Individu-individu itu harus melakukan sesuatu untuk masyarakatnya. Seandainya baik yang dilakukan, baik jugalah yang diterima oleh masyarakatnya. Begitu juga kiranya berlaku perkara yang sebaliknya. Cara mereka hidup bermasyarakat itu telah mengikat setiap anggota supaya,

Tegak bersaudara, saudara dipertahankan
 Tegak berkampuang, kampung dipertahankan
 Tegak bersuku, suku dipertahankan
 Tegak bernegeri, negeri dipertahankan
 Tegak berbangsa, bangsa dipertahankan

Dari ungkapan diatas, dapatlah kita akan satu gambaran akan fungsi anggota-anggota atau individu-individu terhadap masyarakatnya. "Oleh sebab tiap-tiap anggota itu hidup bermasyarakat, maka setiap anggota itu mistilah terikat kepada masyarakatnya. Anggota-anggota itu tidak dapat berbuat sesuatu menurut kehendak hati sendiri. Setiap sesuatu yang dilakukan akan menguntungkan dan merugikan masyarakatnya." (1)

(1). Abd. Rahmah Haji Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih
 Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964. Halaman 12.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahwa hubungan individu d dengan masyarakatnya adalah begitu dekat dan terikat; hinggakan tindakan individu merupakan tindakan masyarakatnya.

Dalam masyarakat yang beradat Perpatih, setiap anggotanya mempunyai tugas-tugas yang tersendiri. Tugas-tugas ini akan melambangkan kemulian anggota-anggota itu dalam satu-satu masyarakat yang dianggotanya. Tugasnya sebagai satu anggota yang berfungsi dan diberi sanjungan walaupun bagaimana sekali pun keadaannya. Perkara ini telah dijelaskan dengan kata-kata dibawah:-

Jika cerdik teman berunding
 Jika bodoh disuruh arah
 Yang buta penghembus lesung
 Yang patah menunggu jeneran
 Yang pekak mencucur (I) meriam
 Yang berani buat kepala lawan
 Yang kaya hendakkan emasnya
 Yang miskin hendakkan kerjanya
 Yang alim hendakkan doanya
 Yang jahil hendakkan aminnya.

Dengan ungkapan diatas jug, sekali lagi dapat dijadikan bukti tentang kerjasama merupakan satu prinsip utama dalam masyarakat. Setiap individu adalah hak masyarakatnya. Individu-individu itu tidak boleh hidup hanya dengan mementingkan diri sendiri sahaja. Kiranya ia cerdik serta mempunyai akal fikiran dan pengetahuan yang luas, buah fikirannya itu sangat diperlukan oleh masyarakatnya. Lebih-lebih lagi dalam hal untuk mengujadkan kebaikan di kalangan anggota-anggota masyarakatnya itu.

Begini juga individu-individu yang mempunyai kekayaan dari segi wang ringgit dan harta benda. Bagi golongan ini sangat-sangat diperlukan oleh masyarakatnya untuk membantu anggota-anggota lain yang kurang bernasib baik dalam kehidupan sehari-hari. Bantuan ini sering dilaksanakan melalui kenduri-kenduri dan lain-lainnya, sama ada yang berbentuk pinjaman maupun dengan pemberian yang ikhlas.

Sama juga dengan anggota-anggota yang lain. Walau pun mereka-mereka itu buta, pekak, patah, miskin dan sebagainya, namun masyarakat tetap memandang berat dan tetap menghargakan tenaga masing-masing. Disinilah letaknya salah satu bukti yang menunjukkan kemanusiaan adat ini. "Bahawa sesungguhnya Adat Perpatih yang dicipta oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang itu adalah satu adat yang sangat murni, mulia dan tinggi falsafahnya.."(17).

Setiap anggota diklatikan berbudi kepada masyarakatnya. Berbudi adalah sesuatu yang paling baik dalam pembentukan pribadi seseorang. Anggota-anggota masyarakat mempunyai banyak cara untuk menumbuhkan budi terhdap masyarakatnya. Mereka-mereka yang cerdik, bijak dan berpengalaman harus berbudi dengan mengeluar dan menyebarkan buah fikirannya untuk kebaikan bersama.

(1) Datuk Samad Idris, dalam kertas kerjanya Kemurnian Rahn Adat Perpatih, Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran MBNS, pada 9 - 12, April 1974.

Begini juga bagi anggota-anggota yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang lain. Penghargaan yang diberi kepada anggota-anggota yang esat menunjukkan yang adat ini adalah sesuatu yang bernilai tinggi.

Sungguh pun dewasa ini banyak tuduhan-tuduhan dan cemoohan-cemoohan yang telah dilemparkan oleh orang yang kurang memahami, tetapi cemoohan dan tuduhan itu dapat kita bujukkan dengan meneliti dan memahami akan bakikat yang sebenarnya. Nilai-nilai yang tinggi akan dapat dilihat melalui kata-kata perbilanganan ini.

Adat yang putih seperti kapas
Hukumnya lembut seperti air
Adat yang berterasa berteladan
Berbincang berlandasan
Adat yang bercupak bergantung
Adat yang berbaris berbelas
Berukur berjauka / bertunggal berserasa.
Berlombaga bertamangan

Dari pada kata-kata itu dapat difahamkan bahwa adat Perpatih ini adalah satu adat yang terayata bersih dan suci dari segala aspeknya. Hukum yang lembut seperti air, dapat diartikan sebagai suatu hukuman yang dikenakan setelah dijalankan perundingan yang tertentu oleh pihak-pihak yang berkenaan. Teganya sesuatu hukuman tidaklah dikenakan dengan secara membabi buta sahaja. Perkataan-perkataan seperti tauladan, berlandasan, bercupak bergantung, berukur berjauka dan bertamangan yang terdapat pada perbilanganan itu sudah cukup untuk dijadikan bukti.

Segala apa yang dilakukan dalam adat adalah hasil daripada pemandangan dan tauladan-auladan yang telah dilihat. Dengan itu sudah tentulah tauladan-auladan yang diambil merupakan sesuatu yang mendatangkan kebaikan. Teganya sesuatu yang baru dipraktikkan melalui ada ini telah dikaji akan baik buruknya terlebih dahulu.

Pemimpin-pemimpin masyarakat biasanya bertindak dengan adil dan bijaksana. Sesuatu tindakan yang diambil sebaik-baiknya akan mendatangkan keuntungan pada masyarakatnya. Pemimpin-pemimpin adalah dilarang untuk bersikap suka melakukan perbuatan.

Menanggung dāir kerub
Melaka dipergentingan

Kerana perbuatan yang seperti itu hanyalah untuk mendapatkan keuntungan sendiri, sedangkan keperluan bersaga adalah menjadi dasar yang utama. Dalam menjalankan sesuatu hukuman, ianya haruslah berlaku adil. Tidak kira siapa yang akan menerima hukuman itu. Pendek kata setiap pemimpin tidak boleh bersifat

Tiba di mata dipicingkan
Tiba diperut dikompiskan
Ibarat limau masam sebelah
Ibarat perahu karam sekoral

Malah apa yang lebih dipentingkan dalam soal ini ialah tentang sikap seorang pemimpin itu sendiri. Masyarakat tidak merelakan pemimpin yang suka mengamalkan sikap rasuah dan berat sebelah. Setiap pemimpin

haruslah merupakan orang yang menjadi pelindung bagi anggota-anggota yang dibawah pemimpin nya. Pemimpin juga harus menjadi tempat mengadu, yang sehat dan tempat mendapatkan buahffikiran yang berfaedah pada orang yang dibawah jagoannya. Sikap-sikap yang seperti ini dapat kita fahamkan dari kata-kata peribahasa ini.

Pemimpin itu,
Ibarat pohon rendang ditengah padang
Batangnya untuk berandar
Bahunya untuk bergantung
Buahnya untuk dimakan
Daunnya untuk berlindung.

Seorang pemimpin diliharatkan sebagai pohon yang rendang, iaitu sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan pemikiran yang luas serta mempunyai kalebar dan peribadi yang tinggi. Dengan itu setiap gerak-geri dan tutur katanya akan menjadi panduan dan tauladan orang-orang dibawah jagoannya. Terhadap anak-buah, seorang pemimpin itu adalah seperti,

Pergi tempat bertanya
Balas tempat berberita.

Sekiranya pemimpin itu pergi meninggalkan kampungnya, dia haruslah menyatakan tentang permergiannya. Apabila dia kembali, dia harus memberi tahu akan kepulangannya. Disamping itu dia juga akan menyampaikan apa yang dilibat dan didapati dimasa permergiannya itu. Seguanya ini dapat memberi bukti, bahawa segala apa yang dilakukan adalah untuk kebaikan bersama. dengan sifat-sifat tanggung jawab dan dedikasi yang ada.

Hidup dikandung adat
Mati dikandung tanah
Biar mati anak
Jangan mati adat.

Ungkapan diatas adalah diantara beberapa kat perbilangan yang agak popular pada pengetahuan umum. Namun apa yang kurang menyenangkan ialah pemahaman yang cetek mengenai kata-kata itu hingga menimbulkan tuduhan-tuduhan yang menyeleweng dari hakikat sebenar. "Orang yang tidak mendalami maksud dan tujuan yang tersirat dalam kata-kata hikmat itu lantas menuduh yang seolah-olah masyarakat di Negeri Sembilan bersikap kaku atau lebih sayangkan adatnya yang telah lapuk hingga sanggup mengorbankan anaknya "(I)

Kalau dipandang sepintas lalu, memang sukar untuk danafikan akan tuduhan itu. Namun kiranya kata-kata itu difafsirkan melalui pemahaman tentang dasar-dasar dan perisip-perinsip masyarakat yang beradat Perpatih, mungkin tuduhan itu akan dapat dihujahkan. Inilah yang akan cuba diperbincangkan. Mengenai ungkapan 'hidup dikandung adat, mati dikandung tanah' saya kira tidak lah memerlukan penjelasan yang 'detail' (lanjut). Ini adalah disebabkan bahawa adat merupakan suatu kebiasaan kepada mana-mana masyarakat di dunia ini. Tetapi ungkapan 'Biar mati anak, Jangan mati adat' memerlukan penjelasan yang berpandukan dasar-dasar adat.

Perbilangan "biar mati anak jangan mati adat"

adalah merupakan satu lagi konsep yang khusus bagi masyarakat yang beradat Perpatih. Kata-kata itu akan menimbangkan dasar-dasar kondisi dan kebenaran pada masyarakat itu. Adat adalah hak bersama, manakala anak adalah hak perseorangan. Hilang anak hanya akan merugikan seseorang anggota itu sahaja, sebaliknya kehilangan adat yang dipesakai turun temurun akan merugikan seluruh anggota masyarakat itu. Dengan dasar ini, dapatlah difatankan bahawa hak bersama adalah lebih penting daripada hak perseorangan.

Kebenaran dan kondisi dalam kata-kata biar mati anak jangan mati adat ini, dapat dimaknai dengan cara menjalankan pemerintahan dan melaksanakan sesuatu tindakan atau hukuman. Sesuatu yang dijalankan adalah menurut kebenaran yang mutlak. Sesuatu hukum yang diberi, adalah melibatkan semua tidak mengira siapa walau pun ia melibatkan anak dan saudara mara sendiri. Perkara ini dilakukan supaya tidak timbul perbilangan.

Tiba diunta dipicingkan
Tiba diperut dikompiskan

Teganya, tidak ada apa-apa keistimewaan atau kekecualan kerana orang yang sepatutnya menerima sesuatu hukuman itu. Atas dasar ini juga dapat dianggap bahawa masyarakat Negeri Sembilan telah lama menjalankan cara pemerintahan dan pentadbiran berbentuk demokrasi.

Hidup dikandung adat
 Hati dikandung taat

Seperti yang dinyatakan tadi bahwa kata-kata ini juga merupakan satu ungkapan yang sering diucapkan umum sana ada mereka yang betul-betul faham akan hakikat sebenar maupun yang mempunyai fahaman yang samar-samar sahaja. Adalah merupakan sesuatu yang universal bagi tiap-tiap yang hidup di muka bumi ini mempunyai cara hidup dan ketentuan-ketentuan yang biasa diperlakukan dari generasi yang terdahulu darinya. Sesuatu ketentuan, peraturan dan kelagiman telah menjadi satu kebiasaan kepada anggota masyarakat itu. Dari kebiasaan inilah lahirnya 'Adat'. Dengan ini lah maka timbul nya kata-kata: 'Hidup dikandung adat, Hati dikandung taat'.

Setiap yang hidup di muka bumi ini sama ada secara sukarela maupun secara paksa, tidak dapat menolak dari peraturan-peraturan yang telah ditentukan. Disini adallah yang harus dipatuhi oleh anggota-anggota itu. Undang-undang adalah satu perkara yang lumrah bagi setiap manusia. Tanpa undang-undang dan peraturan yang tertentu, manusia tidak dapat menjalankan kehidupan sehari-hari dengan sempurna. Adat, adalah merupakan salah satu daripada peraturan-peraturan itu.

Bagi adat Perpatih telah diibaratkan sebagai suatu yang tulen yang tidak mudah untuk dilesapkan, walau pun manusia mengalami perubahan masa. Inilah yang dimaksudkan kata-kata

Adat yang tak lupuk dek hujan
 Tak lekang dek panas.

Walaupun pun zaman tetap beredar menurut putranya, tetapi apa yang telah menjadi kebiasaan yang setiap individu agak sukar untuk dibilangkan. Tambahan pula apa yang telah menjadi kebiasaan itu dapat pula diubahsuakan mengikut keadaan masa dan suasananya. Inilah yang terayata pada adat Perpatih ini. Dengan sebab itu juga munculnya kata-kata 'tak lapuk dek hujan, dan tak lekang dek panas'.

"Keasliannya ialah kerana adat ini mempunyai dasar-dasar permufakatan dan perundingan demi untuk mendapatkan kebenaran dan keadilan. Segala apa yang dijalankan dan dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengujudkan keadilan dan menghasilkan keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan"(II). Kebenaran dan keadilan tadi dapat ditinjau dari perbilangan berikut:

Kelahiran nabi dengan mukjizat
 Kelahiran umat dengan ahlak
 Bulat air kerana pembetung
 Bulat manusia kerana ahlak
 Air melurut kerana bandarnya (2)
 Benar melurut kerana afdalunya
 Kelaut menuju alur
 Kedarat menuju benar
 Besar beraut jangan disiahtkan

Kata-kata diatas telah diausundari bahan-bahan yang benar dengan melaksanakan cara-cara ke-

(I) Hashim Abd. Ghani, Kata2 Perbilangan & Lafazirannya
 kertas kerja Seminar Penasejaraan & Adat Perpatih
 Anjuran MDNS pada 6 - 12hb. April 1974.

(2) Dandar : Tali air

Namun perkara ini tidaklah berlaku dengan sewenang-wenangnya. Penyingkiran hanya akan dilakukan setelah menjalani perundingan-perundingan yang sewajarnya. Daripada ungkapan 'tempat semenda menghitam dan memutihkan, dapatlah difahamkan bahawa pihak tempat semenda adalah mempunyai kuasa-kuasa atau hak-hak yang tertentu keatas orang semenda itu. Kadang-kadang disinilah timbulnya kata-kata,

Pergi kerana disuruh
Derhenti kerana ditegah
Dari tempat semenda membawa sembah.

Satu perkara yang agak menarik hati ialah mengenai penghormatan dan penghargaan yang diberikan keatas orang semenda itu. Biar bagaimana rupa dan keadaan sekali pun, namun ia tetap dihargai oleh pihak tempat ia bersemenda itu. Perkara ini jelas dibuktikan melalui ungkapan berikut

Orang semenda ditempat semenda
Kalau cerdik hendakkan rupadigannya
Kalau bodoh disuruh arah
Kalau gagap kuat dibubuhkan kepangkal banir
Kalau tegap buat penampang
Kalau lembut buat pengempang

Daripada kata-kata diatas telah menggariskan bahawa setiap orang semenda itu adalah berfungsi kepada tempat semenda. Sama ada ianya cerdik atau bodoh dari segi pemikiran dan pengetahuan, maupun kuat atau lemah dari segi tenaga fizikal nya ia tetap mempunyai fungsi tertentu. Keadaanya cerdik, buah fikiran nya diperlukan, kalau bodoh tenaganya dihargai.

Kondisi ini lebih jelas lagi dengan kata-kata yang selanjutnya:

Kalau kaya hendakkan omahnya
 Kalau miskin hendakkan kerjanya
 Kalau alim hendakkan doanya
 Kalau jahil hendakkan aminya.

Seandainya ia dari golongan yang kaya dengan harta benda dan yang ringgit, maka kekayaan nya itu amat lah diperlykan dalam hal memberi bantuan kepada anggota-anggota yang memerlukanya. Bantuan ini hendaklah secara pinjaman atau pun secara pemberian yang ikhlas. Sebaliknya bagi golongan yang miskin, bantuan atau pertolongan boleh di berikan dengan menaruhkan tenaga yang ada pada nya untuk kepentingan bersama.

Sudah menjadi lumrah alam bahawa yang kaya itu boleh menaburkan budinya dengan kekayaan yang ada padanya. Manakala bagi yang miskin boleh menggiat kebendaan itu dengan kerja-kerja yang dilakukan melalui tangan empuk kerat yang ada pada nya. Begitu juga sekiranya individu itu kaya dengan ilmu pengetahuan agama atau tegasnya seorang yang alim, maka dia nya sangat-sangat diperlukan lebih-lebih bila mengadakan majlis kenduri dan angkas sambutan dan selamat. Sebaliknya mana-mana yang dianggap jahil tentang pengetahuan itu adalah diharapkan bersama-sama menjadi pengikut. Itulah yang dimaksudkan 'kalau alim hendakkan doa, kalau jahil harapan aminya.

Kecintaan dan keburangan sifat yang ada pada orang sesama itu juga mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu terhadap keluarga baharu yang dianggotainya. Mungkin disinilah salah satu sifat kemanusiaan adat ini. Mereka daripada golongan yang cacat ini mempunyai peranan,

Kalau patah buat penghalau ayam
 Kalau buta buat penghembus lesung
 Kalau pelek pembakar merica.
 &
 Kedatangan orang sesama ini ketempat sesendanya,

binsanya diharapkan sebagai,

Menyambung nan panjang
 Menyebat nan lebar
 Kek tak menambuh, menjaga
 Membela kampung nan sesudut
 Menjadikan sawah nan selepak
 Menugal benih di huma

Dengan lainkata, kedatangan pelek sesama ketempat sesama itu, adalah diharapkan menambahkan apa yang telah sedia ada (21). Penambahan ini mungkin dari segi harta benda, tanah dan dusun. Namun keadaan ini terpulang lah kepada keadaan silolaki itu sendiri. Sekiranya silolaki yang itu sendiri yang menjadi orangsesama itu tidak ber-kemampuan untuk menambahkan apa yang ada, sedikit-tidak nya ia dapat diharapkan sebagai penjaga apa yang telah sedia ada pada pelek perempuan itu. Inilah yang dimaksudkan dengan kata-kata.

Membela kampung nan sesudut
 Menjadikan sawah nan selepak
 Menugal benih di huma.

(1) Menambahkan apa yang ada pada pelek isteri. Harta dari pelek isteri mungkin merupakan harta posaka atau pemberian dari ibu-bapanya.

Satu perkara yang perlu juga dinyatakan disini ialah tentang peranan orang semenda itu khusus nya dalam satu-satu upacara seperti kenduri-kendara dan dalam kerja-kerja kabwin. Dalam perkara ini agak jelas peranan orang semenda itu, lebih-lebih lagi dalam menguruskan kerja-kerja yang agak penting. Mereka ini termasuk kedalam golongan orang sepangkal (1). Keadaan ini masih jelas hingga kehari ini. Seandainya nya seseorang semenda itu cuba melarikan diri tugas yang sepatutnya, maka ia mungkin dikenakan sesuatu hukuman oleh pihak tempat semenda nya. Kalau tidak pun, ia akan menjadi bahan buah-mulut masyarakatnya.

Berhubung dengan hukuman dan undang-undang yang dilaksanakan, terdapat beberapa ungkapan yang cuba menggambarkan beberapa perbezaan diantara masyarakat yang beradat Perpatih dengan masyarakat yang beradat Temenggung.

Kalau Adat Temenggung,

Siapa menjala siapa terjun
 Siapa bersalah siapa bertimbang
 Siapa berbutaug siapa membayar
 Siapa membunuh siapa kena bunuh.
 Hutang darah dibayar darah
 Hutang nyawa nyawa padahnya.

Kalau Adat Perpatih,

Muum berdiri dengan saksi
 Adat berdiri dengan tanda
 Mencincang berlandasan
 Melompat kesetumpuan
 Hutang beresagar pinjam berganti
 Beri berjemput agah berbentar
 Simpan bertaruk cagar bergadai
 Hutang ditagih piutang berbayar
 Cagar ditobus gadai ditavi
 Cincang pampas bunuh beribalas.

(1) Orang sapanggih : Orang-orang yang bertanggung jawab bagi menguruskan karyal dalam satu majlis kenduri-kendara

Memandang dari ungkapan-ungkapan tadi sekali lalu kita dapat melihat beberapa perbezaan dalam melaksanakan dasar bagi sesuatu hukuman yang akan dikenakan. Bagi masyarakat yang beradat Tanggung, sesuatu hukuman akan melibatkan diri perusseragan. Pendeknya seseorang individu itu adalah bertanggung jawab diatas apa yang dilakukannya. Kendaan ini jelas dari ungkapan,

Siapa menjala siapa terjun
Siapa bersalah siapa bertimbang
Siapa berhutang siapa membayar dan lain2.

Pernyataan 'siapa' dalam ungkapan-ungkapan itu sudah jelas untuk menyatakan bahawa sesuatu yang dilakukan akan dipertanggung jawabkan oleh individu itu sendiri. Kiranya individu itu melakukan sesuatu kesalahan maka kesalahan itu akan dibebankan kepada individu itu sendiri '(2). Kendaan ini terdapat beberapa perbezaan dengan ungkapan yang berbunyi:

Bukun berdiri dengan saksi
Adat berdiri dengan tana
Mangianan g berlandanan
Melompat bersetumpuan

Ungkapan diatas menunjukkan bahawa dalam melaksanakan sesuatu hukuman, adat ini merupakan sesuatu yang agak 'komplikated'. Sesuatu keputusan yang akan dijalankan yang nyata. Ini disertai pula dengan saksi-saksi yang cukup bagi membuktikan kesalahan itu.

(1) Nilai pu dalam konsep hari ini sesuatu itu lebih bergantung kepada undang2 dan peraturan 2 masa kini.

Dengan ini tidaklah menjadi keraguan jika ada yang mengatakan "Bahawa undang-undang dalam adat Perpatih adalah menceraikan falsafah keadilan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Ianya merupakan pembendung tata susila serta nilai hidup yang punya tenaga dan kekuatan dalam masyarakat yang penuh dengan budi bahasa dan sopan santun "(1) Keadilan dan sopan santun agak terbukti daripada cara-cara perlaksanaan yang dijalankan. Individu bukan sahaja bertanggung jawab keatas dirinya, malah masyarakat juga akan bertanggung jawab keatas diri individu itu. Dengan itu juga agak ada kebenaran nye tentang satu kenyataan yang menyatakan "Adat Perpatih dengan pelbagai konsep keadilan nye adalah sesuatu yang layak untuk di perbandingan dengan sistim undang-undang barat (Inggeris) yang mana pada asasnya diwakili oleh Common Law dan Equity (2).

Harus juga diketahui bahawa apa yang diiktirafkan sebagai undang-undang dalam adat Perpatih adalah segala perbuatan dan keadaan yang diresmi oleh masyarakat, yang keujudan dan perlaksanaan nye di kuatkuatkan oleh sesuatu kuasa yang mutlak. Sebarang pencabulan dan penyelewengan akan mencerbitkan sesuatu hukum dan tindakan yang sewajarnya.

(1) Rais Yatim, Undang-undang Adat Perpatih, dalam Kertas Kerja Seminar Pensejajaran & Adat Perpatih 9-13 April, 74.

(2) _____ sama _____

Berkaitan dengan seni pembicaraan tentang undang-undang dan peraturan ini, satu lagi ungkapan yang agak popular harus juga diberi sedikit pengamaliannya. Ungkapan yang dimaksudkan itu ialah,

Carina bahagi,
Dapatan tinggal
Pembawaan kembali.

Sungguh pun ia hanya merupakan satu ungkapan yang agak ringkas namun ia mempunyai makna yang agak mendalam. Apa yang berkaitan dengan ungkapan ini ialah pembahagian harta antara suami isteri, yang dilakukan hasil dari perselisihan hidup, yang mungkin disebabkan oleh perselisihan yang tak dapat dibetulkan lagi. Sekiranya suami isteri itu bercerai hidup, maka apa yang diperolehi hasil dari usaha bersama, maka hasil itu harus dibahagi dua. Tetapi apa yang di perolehi oleh si suami daripada isterinya, yang mungkin berupa hartaposses dan lain-lain, maka itu semua harus ditinggalkan. Manakala apa yang dibawa oleh si suami semasa kedatangan nya dahulu, maka barang-barang itu boleh dibawa pergi bersama. Sebaliknya jika berlaku perceraian mati (sama ada suami atau isteri yang mati) maka timbul pula kata-kata

Mati bini pada laki
Mati laki pada bini
Cerai pada yang tinggal
Ada anak di bahagi dua.

Ungkapan itu menjelaskan akan hak seseorang

Ungkapan itu menjelaskan akan hal seseorang.

Seseorang yang telah menjadi undang-undang dan peraturan pada adat ini.

Lampiran

Adat Perpatih Secara Umum

A. Sejarah Kemunculan Adat Perpatih di N. Sembilan

Kemunculan Adat Perpatih di Semenanjung ini, khususnya di Negori Sembilan, adalah berkait rapat dengan pencerobohan orang-orang Minangkabau ke daerah ini. Adalah dipercayai, disamping mempunyai tujuan-tujuan yang lain, kedatangan mereka adalah jelas untuk membuat kampung halaman di daerah ini. Secara kebetulan pula, kedatangan mereka itu telah diterima oleh penduduk tempatan dan telah melakukan persemendaan(1) dikalangan mereka.

Dari sejarah Howbalt telah membuat agakan, bahawa kedatangan mereka adalah kira-kira pada abad ke 15. Jika agakan ini benar, nyatalah pada kita bahawa kedatangan mereka seramai dengan penubuhan dan perkembangan kerajaan Melayu Melaka. Dikatakan juga bahawa kedatangan mereka telah dianggap sebagai puluhan polite yang telah menerangi wilayah-wilayah yang ditapakinya. Ini adalah kerana cara hidup penduduk-penduduk tempatan ketika itu dijangka sangat sederhana, meskipun telah ada hidup berkampung halaman, dengan bercucuk-tanam dan berketuaan seorang penghulu.

(1) Persemendaan = Perkahwinan antara satu sama lain.

sedangkan yang datang itu merupakan satu kumpulan yang telah mengamalkan satu peradaban yang bernilai, hasil susunan Datuk Perpatih Nan Sebatang di Minangkabau.

Menurut sumber sejarah lagi, kedatangan mereka adalah secara berperingkat-peringkat, dengan rombongan masing-masing melalui Sungai Linggi dan anak-anak sungai yang lain di Selat Melaka. Setibanya mereka terus menjumpai Penghulu-Penghulu di daerah pedalaman. Adalah dipercayai juga bahawa mereka tidak begitu tertarik untuk tinggal di daerah pantai, kerana kebanyakan mereka terdiri dari petani-petani yang biasa hidup ber-cawah dan berladang. Tambahan pula aturan-aturan adat yang biasa diikuti oleh mereka di Minangkabau adalah berkembang di kawasan kampung dan di daerah pedalaman seperti kata perbilangannya;

Kampung nan asudut
 Pawah nan berjongjong
 Pucuk nan melick
 Pinang nan berjojer.

Apabila mereka sampai disuatu tempat, ketua rombongan itu terlebih dahulu telah berjumpa dengan Penghulu tempatan untuk mendapatkan kaizinan bagi membuat tempat kediaman. Kemudian daripada itu mereka telah melakukan persenyawaan dengan penduduk tempatan. Disinilah mereka menjalani kehidupan berkeluarga. Seterusnya disini jugalah bermulanya peradaban Perpatih di daerah ini

Sebagai contoh, di Rembau rombongan yang mula-mula sampai telah diketuai oleh seorang yang bernama Datuk Lela Balang dari Kampung Paya Bidara, Minangkabau. Mereka tiba melalui Sungai Linggi dan mudik ke Sungai Rembau. Sampai di Kota(1) beliau telah berjumpa dengan Batin Skudai, Penghulu Suku Biduanda yang berkuasa di daerah itu. Kemudian Datuk Lela Balang telah diambil oleh Datuk Penghulu itu sebagai menantunya.

Kemudian diikuti pula oleh kedatangan dari rombongan yang lain dan terus membuat kampung halaman ditempat yang mereka tuju. Kampung-kampung yang diteroka diberi nama mengikut tempat asal mereka di Minangkabau. Umpamanya, jika mereka datang dari Paya Kumbuh, maka kampung itu dinamakan Kampung Paya Kumbuh. Sama juga halnya dengan kumpulan-kumpulan yang lain.

Di kampung yang mereka buka itulah, mereka menjalani hidup mengikut cara susunan Datuk Perpatih, iaitu cara yang mereka amalkan ditempat asal mereka. Cara hidup mereka berdasarkan kepada prinsip hidup bersama dan bekerja sama dikalangan mereka. Inilah yang merupakan salah satu dasar bagi masyarakat yang beradat Perpatih di Negeri Sembilan hingga masa kini.

(1) Kota = Satu kawasan di daerah Rembau di N. Sembilan.

E. 'Suku' Dalam Masyarakat Beradat Perpatih

" Istilah suku seperti yang terdapat pada masyarakat yang beradat Perpatih, seringkali diterjemahkan sebagai 'Clen' dalam bahasa Inggris, dan 'Sturn' dalam bahasa Belanda. Namun alibahasa itu tidak akan memberi pengertian yang sesuai dari istilah suku sebagai satu kelompok yang berdasarkan ikatan darah dari pihak sebelah ibu".(1) Suku yang berdasarkan pengelompokan darah dari pihak ibu, mempunyai pengertian Genealogy. Pengelompokan yang berdasarkan darah itu mengandung banyak unsur dan penilaian yang subjektif(2).

Namun dalam memberi definisinya, ada yang menyatakan " Bahwa suku itu boleh disifatkan sebagai satu keluarga besar dengan semua anggotanya terikat oleh pertalian darah antara yang seorang dengan yang seorang lagi. Semua anggota yang sesuku adalah bersaudara dan dianggap sedarah sedaging"(3). Oleh kerana itulah maka perkahwinan antara mereka yang sesuku adalah dilarang oleh adat. Dimana ini terdapat sebanyak dua belas(4) suku pada masyarakat yang beradat Perpatih.

(1) Dns.M.D.Mansor, Sejarah Minangkabau, terbitan Bharata Djakarta, 1970. Halaman 5

(2) ----- sama ----- Halaman 7

(3) Abd.Nahman Mohammed, Dasar-Dasar Adat Perpatih, terbit: Pustaka Antara, K.Lumpur 1964. Hal.33

(4) Suku Biduanda, Anak Aceh, Tiga Batu, Mungkal, Batu Hampar, Sori Lemak, Malenggang, Tiga Henek, Anak Melaka Tanah Datar, Paya Kumbuhdan Batu Belang.

Perkataan suku adalah bermula daripada pecahan wilayah Minangkabau kepada beberapa bahagian yang tertentu. Oleh kerana di Minangkabau semakin lama semakin ramai penduduknya, maka untuk memudahkan pentadbiran, wilayah itu telah dibahagi empat. Wilayah-wilayah yang dikenali sebagai Luak itu ialah Bodi, Caniago, Bertua dan Semufakat. Tiap-tiap satu Luak itu dikenali sebagai suku. (1) Dengan lain kata penduduknya diibaratkan sebagai satu kumpulan yang sekeluarga. Mereka ini hidup seperti yang dinyatakan oleh kata-kata perbilangan ini;

Hidup sandar-menyandar bak aur dengan tebing
 Bak telur sesangkar pecah sebiji pecah semua
 Kebukit sama didaki kelurah sama dituruni
 Berat sama dipikul ringan sama dijinjing
 Hati kuman sama dicicah hati gajah sama dilapah
 Terjun sama basah melompat sama patah
 Cicir sama rugi dapat sama laba
 Hidup laksana sirih serumpun
 Sebagai nyior setali
 Seikat bak lembing sebungkus bak nasi
 Sekuncang bak kuah berlopak bak sawah.

Terdapat lagi kata-kata perbilangan yang lain Yang bertujuan untuk mengujudkan satu ikatan perpaduan yang erat dikalangan anggota-anggota, khususnya yang sesuku Jadi suku dalam pengertian yang asal, bererti seperempat bahagian dari sebuah negara. Perkahwinan dikalangan anggota-anggota yang sesuku adalah dilarang kerana dianggap sebagai kahwin adik-beradik. Sekiranya berlaku jua, maka maka perbuatan itu akan dikutuk.

(1) Asal mulanya Suku yang terdapat pada hari ini.

(2) Hj. Abas Ali, Sebahagian Dasar Adat Perpatih, dalam Kertas Kerja Seminar Pensejarahan & Adat Perpatih, April 74

C. Perlombagaan Umum Adat Perpatih

Perlombagaan dalam masyarakat yang beradat Perpatih telah terusun mengikut kata perbilangannya;

Alam beraja, Luak berpanghulu
Suku bertua anak buah beribu bapa
Orang semenda bertempat semenda
Dagang berpantan perahu bertambatan.

Untuk menjalankan sesuatu pentadbiran, penyelesaian dan pelaksanaan bergerak menurut peringkat-peringkat yang tertentu, iaitu;

Orang semenda bertempat semenda
Anak-buah kepada ibu bapa(1)
Ibu bapa kepada Lembaga
Lembaga kepada Undang
Undang kepada Keadilan.

1. Orang semenda dan tempat semenda

Orang semenda dan tempat semenda adalah golongan yang wujud hasil dari perkahwinan dikalangan anggota-anggota dari satu suku dengan suku yang lain. Sekiranya seorang lelaki dari suku biduanda berkahwin dengan perempuan dari suku Batu Hampar, maka lelaki itu dikenali sebagai orang semenda kepada keluarga suku Batu Hampar. Sebaliknya keluarga dari Suku Batu Hampar dikenali sebagai tempat semenda kepada lelaki tadi. Sama juga halnya jika perkara yang sebaliknya berlaku. Pihak perempuan pula yang menjadi orang semenda kepada keluarga pihak lelaki. Seterusnya sama juga dengan suku-suku yang lain.

(1) Dalam masyarakat Perpatih dikenali sebagai Buayak.

Kedudukan dan peranan orang semenda itu adalah seperti yang dinyatakan oleh kata perbilangan yang berikut;

Jika cerdik teman berunding
 Jika bodoh disuruh arah
 Jika alim hendakkan doanya
 Jika jahil hendakkan amalnya
 Jika kaya hendakkan emasnya
 Jika miskin hendakkan kerjanya
 Tinggi banir tempat berlindung
 Jika patah penghalau ayam
 Jika buta penghembus lesung.

Dengan kata-kata yang di atas jelas menunjukkan, walau bagaimanapun keadaan orang itu ia tetap berguna dan berfungsi pada masyarakat dan tempat semendanya. Walau bagaimanapun orang semenda itu harus tunduk kepada perkara-perkara yang tertentu.

Pergi kerana disuruh
 Berhenti kerana ditegah
 Menggolek luka kena golek pun luka
 Tempat semenda menghitam memutihkan. (1)

Pendek kata orang semenda ini akan dikuasai oleh anggota dari pihak tempat semendanya. Peranan yang amat nyata hingga masa kini ialah pada upacara kenduri yang di buat secara besar-besaran seperti kenduri kahwin.

11. Anak buah kepada buapak

Dalam satu-satu kawasan yang mengamalkan adat Perpatih, yang mempunyai beberapa orang buapak yang usunnya bergelar "Datuk". Datuk ini mempunyai anggota-anggota yang tertentu yang dibawah jagaannya, yang dikenali sebagai anak-buah. Upamanya di Kampung Mantin

mempunyai empat orang Datuk. Masing-masing bergelar Datuk Menteri, Datuk Senara, Datuk Mangku dan Datuk Dagang.(1) Datuk-Datuk ini mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai Datuk Lembaga. Sesuatu masalah yang dihadapi oleh anak buah bolehlah dikemukakan kepada Datuk masing-masing.

Sekiranya seseorang anggota yang menjadi anak buah kepada Datuk Senara berselisih faham dengan seorang yang menjadi anak buah kepada Datuk Menteri maka anggota tadi bolehlah membuat pengaduan kepada Datuk masing-masing. Kemudian kedua Datuk itu dipertemuan dalam satu upacara bersama-sama dengan anggota yang terlibat. Disinilah perundingan dijalankan untuk mendapatkan penyelesaian supaya;

Nan kusut dapat diselesaikan
Nan keruh dapat dijernekan.

Selain dari itu Datuk juga memainkan perannya dalam urusan-urusan yang lain sama ada yang berkaitan dengan perkara-perkara persendirian maupun yang berkaitan dengan masalah anak-buahnya. Satu peranan yang agak nyata ialah dalam kerja pinang-meminang dan kerja-kerja perkahwinan anak-buahnya. Penyandingan jawatan Datuk adalah mengikut jurai-jurai yang tertentu dalam sesuatu masyarakat.

(1) Gelaran Datuk ini berbeda dikawasan-kawasan yang lain.

iii. Buapak, Lembaga dan Undang

Seperti yang telah dinyatakan tadi, Buapak atau Datuk mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai Lembaga. Tugasnya Lembaga akan bertanggung jawab ke atas Datuk-Datuk tadi. Di Kampung Mantin(1) seorang yang bernama Datuk Andatar dikenali sebagai Lembaga. Peringkat diatas bergelar Undang(2)

Buapak akan menyampaikan kepada Lembaga akan sesuatu masalah yang agak besar yang dihadapi oleh diri dan anak-buahnya. Seandainya masalah itu tidak dapat diselesaikan, masalah itu akan dikemukakan kepada undang. Biasanya Undang akan dapat memberikan sesuatu keputusan. Keputusan yang dibuat adalah mengikut dasar-dasar tertentu dalam adat.

iv. Adat Dan Agama Islam

Dalam adat Perpatih, telah mengakui iaitu dalam menjalankan sesuatu hukuman, ianya tidak pula mengenyahkan hukum-hukum agama. Dalam melaksanakan sesuatu hukuman adalah bertujuan untuk menghilangkan yang buruk dan mendapatkan sesuatu yang baik. Ini adalah selaras dengan ajaran-ajaran Islam yang menghendaki penganut-penganutnya melakukan sesuatu yang baik dan meninggalkan

(1) Satu kawasan yang terdapat dalam daerah Seremban.

(2) Ada 4 orang Undang di Negeri Sembilan, iaitu Undang Rembau, Undang Johol, Sungai Ujung dan Undang Jelebu.

yang jahat. Dengan itu ternyata bahwa hukum adat dan hukum syarak mempunyai kaitan yang jelas seperti yang disebutkan oleh kata perbilangannya;

Adat bersendikan syarak
Syarak bersendikan hukum
Hukum bersendikan kitabullah(1)

Dapat dikatakan adat perpatih dalam melaksanakan sesuatu tindakan dan hukuman adalah mengikut garis-garis panduan yang tertentu. Disini hukum ugama telah dijadikan panduannya sesuai dengan lunas-lunas bahwa;

Adat itu mencari jalan kebaikan
Menolak perkara-perkara kejahatan.

Dasar inilah yang kita nampak dalam ugama kita iaitu Ugama Islam. Mungkin disinilah satu bukti untuk menunjukkan kemurnian adat itu. Satu lagi dasar Islam ialah kebenaran dan keadilan. Ini juga telah menjadi dasar utama dalam Adat Perpatih.

v. Perkahwinan

Perkahwinan dalam masyarakat yang beradat Perpatih hanyalah dibolehkan diantara dua pihak atau dua anggota masyarakat yang berlainan suku. Perkahwinan sesama adalah dilarang. Sekiranya berlaku juga, pihak yang terlibat akan dikenakan denda yang tertentu. Kadang kala mereka ini dipulaukan atau dibuang dari sukunya.

(1) Kitabullah = Kitab Allah iaitu Alquran.

Pada pandangan adat Perpatih perempuan adalah diibaratkan sebagai harta, dan kepadanya lahz terserah beberapa keistimewaan yang tertentu(1). Mungkin inilah sebabnya pada masa-masa yang lalu gadis-gadis dipingit dan dikawal rapi apabila umurnya telah meningkat dewasa. Mereka harus tinggal di rumah dan diberi didikan yang khususnya dalam urusan rumah tangga. Dalam soal untuk mendapatkan jodoh terdapat kata perbilangannya;

Perempuan menanti untung
Lelaki mencari untung

atau

Untung perempuan dinanti-nantikan
Untung lelaki ditanya-tenyakan.

Mengenai perkahwinan ini selalu dititiberatkan untuk menyambung pertalian kekeluargaan. Denga sebab itulah selalu berlakunya perkahwinan dikalangan saudara mara. Tetapi mistilah yang berlainan suku. Ada beberapa cara porkahwinan yang dijalankan mengikut adat ini. Antaranya;

a. Melalui upacara peminangan yang bermula dengan 'merisik'(2) kemudian diikuti dengan upacara menghantar tanda dan bertunang. Juga ditetapkan hari untuk upacara persandingan. Kadangkala berlaku seperti apa yang dikatakan sebagai 'nikah gantung' sementara menunggu hari persandingan. Biasanya upacara bersatu dijalankan dengan

(1) Abas Hj. Ali dalam Kertas Kerja Seminar pada April 74

(2) Dijalankan dengan cara tak langsung menerusi perbualan antara kedua pihak.

cara yang agak besar-besaran. Kadang-kadang pernah berlaku hingga dua, tiga dan empat hari mengikut kadar kemampuan sesuatu keluarga itu. Pada masa ini kita akan dapat menyaksikan beberapa upacara yang menarik seperti berinai dan sebagainya. Disinilah juga kita akan dapat melihat peranan kaum keluarga sanak-saudara dan juga jiran tetangga yang bersama-sama menjayakan majlis tersebut.

b. Cara menyerah - Melalui cara ini, kita dapati pihak lelaki pergi menyerah diri dengan dihantar oleh sahabat - handai kerumah perempuan untuk dinikahkan. Mengenai perbelanjaannya pula, pihak lelaki sedia membayar berapa saja yang dituntut oleh pihak perempuan.

c. Terkurugg - Cara ini juga dikenali sebagai nikah salah-salahan. Perkara ini berlaku apabila kedua pihak (lelaki dan perempuan) dijumpai berduaan didalam sebuah rumah atau dilain-lain tempat yang sunyi(1). Pada pandangan umum, cara ini merupakan satu cara yang memalukan keluarga dan sanak-saudara yang terlibat. Namun ada juga yang menganggap yang ini merupakan suatu cara yang ekonomikal.

d. Kahwin Lari. - Perkara ini berlaku disebabkan oleh tidak adanya restu atau keizinan dari

(1) Biasanya perkara ini sering mendatangkan pergaduhan.

sebelah pihak(?) atau pun dari kedua belah pihak. Jadi untuk mencapai tujuan pihak yang hendak mendirikan rumah tangga, mereka telah pergi kerumah saudara-mara atau terus mendapatkan pihak yang berkuasa seperti Khadi.

Upacara perkahwinan pernah dibuat secara besar-besaran, terutama dari keluarga yang berada. Di sinilah kita dapati kemeriahan majlis, terutama jika keluarga itu merupakan satu keluarga yang teratur, aman dan bersefahaman antara satu sama lain. Pihak tuan rumah lazimnya akan mendapat abantuan dari sanak-saudara dan jiran tetangga. Bantuan itu merupakan wang ringgit, material-material yang perlu dan juga bantuan dari segi tenaga fizikal. Walau bagaimanapun, bantuan yang berbagai rupa itu harus dipulangkan kembali apabila sampai gileran orang yang memberi bantuan tadi.

vi. Penceraian Antara Suami Isteri

Sebagaimana perkahwinan, penceraian juga harus dijalankan dengan cara-cara yang tertentu. Penceraian tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Tegasnya, penceraian adalah merupakan suatu jalan yang terakhir, setelah tidak ada lagi jalan untuk menuju penyelesaian. Bagi pihak lelaki yang telah dijemput dengan tepak sirih dihari perkahwinan dahulu, tidak semudah itu pula ia akan turun dari rumah isterinya. Segala-galanya

(1) Biasanya terjadi kerana tanpa izin dari pihak perempuan

perlu diselesaikan oleh pihak tempat semandanya, seperti kata perbilangannya;

Hutang dibayar, piutang diterima
Hilang dicari, cicir dipungut.

Selepas itu baharulah pihak lelaki menja-tuhkan keputusan terakhirnya, iaitu menceraikan isteri nya dihadapan tempat semandanya(1). Berikutan dengan penceraian itu, timbullah soal pembahagian harta seperti yang telah ditetapkan oleh adat;

Carian bahagi
Dapatan tinggal
Pembawaan kembali

Carian bersama haruslah dibahagi dua antara suami is-teri. Apa yang diperolehi oleh si suami pada isterinya dahulu haruslah ditinggalkan, kerana itu adalah hak mutlak si isteri. Namun apa yang dibawa oleh si suami semasa kedatangannya dahulu bolehlah dibawa kembali. Walau bagaimanapun ada sedikit perbezaan jika berlaku penceraian mati (sama ada salah seorang yang mening-gal dunia). Kiranya ini berlaku, pembahagian harta tertekluk pada kata adatnya;

Mati laki pada bini
Mati bini pada laki
Carian pada yang tinggal
Ada anak dibahagi dua.

vii. Pembahagian Harta Pesaka

Harta pada konsep adat Perpatih terdapat dua jenis, iaitu 'Harta Pesaka' dan 'Harta Carian', Harta

(1) Keadaan ini sukar didapati pada ketika ini.

Harta Pesaka ialah harta yang diwarikan dari jenerasi-jenerasi yang sebelumnya, dan harta ini pula terbahagi kepada dua jenis iaitu;

a. Harta Pesaka Benar

b. Harta Pesaka Sendiri.

Yang tergulung dalam harta pesaka benar ialah tanah, sawah, dusun, ladang darumah yang diwarisi dari jenerasi sebelumnya. Manakala yang tergulung dalam harta pesaka sendiri pula ialah harta benda yang diwarisi oleh seorang anak daripada orang tuanya (ibu bapa). Dalam Adat Perpatih, harta Pesaka Benar biasanya diturunkan kepada anak perempuan sahaja.

Dikatakan juga bahawa pesaka benar ada-lah kepunyaan waris, dan pemiliknya adalah disifatkan sebagai pemegang amanah. Harta ini sepatutnya tidak boleh dijual atau berpindah milik melainkan dengan sebab-sebab yang tertentu. Walau bagaimanapun, dalam keadaan masa kini, telah kelihatan berubah kerana pemiliknya boleh membuat sesuatu terhadap haknya.

Harta Pesaka Sendiri ialah gulungan harta yang diuntukkan oleh ibu bapa seseorang. Harta-harta ini termasuklah barang-barang kemas, pakaian dan lain-lain. Biasanya barang-barang kemas diuntukkan kepada pihak perempuan manakala barang-barang yang lain seperti senjata diuntukkan kepada anak lelaki. Harta-harta ini merupakan sesuatu yang menjadi kesayangan pemiliknya.

Harta Carian juga terdapat dua jenis iaitu

a. Harta carian suami isteri

b. Harta carian bujang.

Bagi kedua jenis harta ini, jika berlakunya penceraian sama ada cerai hidup atau mati, pembahagian nya tatta-luk seperti kata perbilangan;

Bersuarang(1) beragih
 Bersekutu belah
 Carian bahagi
 Dapatan tinggal
 Pembawaan kembali

dan

Mati bini pada laki
 Mati laki pada bini
 Ada anak dibahagi dua.

Semasa upacara perkahwinan, pihak lelaki atau wakilnya telah menerangkan apa-apa yang dibawa oleh pihak lelaki iaitu hasil carian nya semasa bujang, dihadapan tempat semendanya. Dengan itu kiranya berlaku nya penceraian, segala harta carian semasa bujang itu bolohlah dibawa pergi bersama. Sebaliknya harta hasil daripada carian bersama mistilah dibahagikan diantara keduanya.

(1) Bersuarang = Milik bersama.

D.Perbedaan Umum Adat Perpatih Dengan Adat Temenggung

Adat Perpatih dan Adat Temenggung adalah dua kebiasaan yang diasaskan oleh dua adik-beradik dari Tanah Minangkabau. Kedua-duanya adalah anak seorang pemerintah Minangkabau yang berlainan ibu. Ibu Datuk Perpatih daripada orang kebanyakan menakala ibu Datuk Temenggung adalah dari golongan ternama. Mereka kedua telah mewarisi untuk memerintah Minangkabau. Datuk Perpatih dikatakan lebih bijak dari saudaranya Datuk Temenggung. Kenyataan ini telah dinyatakan melalui kata perbilangan;

Siapa yang cerdik bijaksana?
 Pertama Datuk Perpatih
 Kedua Datuk Temenggung.

Kebijaksanaan Datuk Perpatih juga telah dilukiskan dengan serangkap pantun yang berbunyi;

Nenek Perpatih Nan sebatang
 Pandai melukis cupak dan gantang
 Ulaslah tenun yang terentang
 Penolak buatan datang(1).

Oleh kerana satu perselisihan fahaman di antara kedua beradik itu menyebabkan Minangkabau telah dibahagi dua. Sebahagian diperintah oleh Datuk Temenggung, menakala yang sebahagian lagi diperintah oleh Datuk Perpatih. Cara pemerintahan yang dijalankan oleh kedua

(1) Abd.Rahman Mohamed,Dasar Adat Perpatih, halaman 23.

oleh kedua beradik ini agak berbeda. Datuk Temenggung telah menjalankan susunan pemerintahan dengan sistim dari atas kebawah. Cara ini telah memberikan kuasa yang sepenuhnya kepada raja atau pemerintah. Sedangkan Datuk Perpatih memperaktikkan sistim pemerintahan dari bawah keatas dan lebih rela menjalankan sesuatu dengan cara perundingan.

Cara yang berbeda ini agak jelas bila kita memerhatikan cara pemerintahan di Negeri Sembilan, yang mengamalkan cara Datuk Perpatih dengan negeri-negeri lain di negara ini. Kuasa pemerintahan di Negeri Sembilan bermula dari anggota-anggota masyarakat biasa, yang memilih ketua mereka yang bergelar 'Datuk' atau 'Buapak'. Buapak-Buapak yang ada telah memilih seorang ketua yang dikenali sebagai 'Lembaga'. Diantara Lembaga-Lembaga yang ada di beberapa daerah mempunyai kuasa untuk memilih seorang pemerintah yang agak luas yang dikenali sebagai 'Undang'. Di Negeri Sembilan, terdapat empat orang Undang, iaitu Undang Johol, Undang Jelebu, Undang Rembau dan Undang Sungai Ujung yang juga dikenali sebagai Datuk Kelana Sungai Ujung.

Diatas persetujuan Undang yang empat inilah wujudnya seorang pemerintah bagi seluruh daeran di Negeri Sembilan yang dikenali sebagai 'Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan'. Keadaan ini sangat berbeda dengan negeri-negeri lain yang berdasarkan keturunan (keturunan raja) untuk menjadi pemerintah.

Untuk melaksanakan sesuatu hukuman, juga terdapat perbedaan yang jelas. Adalah diketahui, adat Temenggung dalam menjalankan sesuatu hukuman adalah lebih bersifat individu. Ini terbukti pada kata-kata perbilangan adat yang menyebut;

Siapa menjala siapa terjun
Siapa berhutang siapa membayar
Siapa salah siapa bertimbang
Siapa membunuh siapa kena bunuh.

Akan tetapi bagi adat Perpatih pula menyatakan;

Hutang nan berturut
Cagar nan bergadai
Cincang pampas
Bunuh beri balas
Salah bertimbang
Sah hutang dibayar
Sah piutang diterima
Sesat dihujung jalan balik kepangkal jalan.

Sesuatu kesalahan cuba diperbaiki dengan adil dan dengan penuh penelitian, walaupun hanya merupakan sesuatu kesalahan yang agak besar. Permufakatan dan perundingan adalah menjadi dasar yang utama.

Dalam masyarakat yang beradat Perpatih, anggota-anggotanya disusun atau ditentukan kepada beberapa kumpulan. Kumpulan yang terkecil sekali dikenali sebagai 'Perut'. Perut ini berasal dari anggota-anggota yang bernenek perempuan. Ketua perut dipanggil ibu bapa yang juga dikenali sebagai 'Buapak'. Seterusnya kumpulan yang terbesar dinamakan suku. Pada adat Temenggung suku tidak didapati. Pertalian antara saudara maraagak ternyata berat kesubelah pihak lelaki.

Di negeri-negeri lain yang beradat Temenggung, raja berkuasa sepenuhnya. Tempat dan hak mereka telah ditentukan. Undang-undang yang wujud menunjukkan kekuasaan raja keatas sesuatu masyarakat. Undang-undang seperti yang terdapat dalam 'Hukum Kanun Melaka' merupakan sebahagian dari undang-undang yang dipraktikkan oleh masyarakat yang beradat Temenggung(1). Walau bagaimanapun ketegasan ternyata pada adat Temenggung, tetapi adat Perpatih telah dapat mengidolitiikan suatu masyarakat yang lebih berperikemanusiaan.

Adat Perpatih dari segi undang-undangnya boleh dikatakan sesuatu yang ringan. Ianya dapat mema-
sesuaikan kesalahan jika kesalahan itu dapat diperbaiki. Adat Temenggung yang sebahagian besar dari undang-undangnya terdapat dalam Hukum Kanun Melaka, tetapi hanya diketahui oleh sebahagian kecil dari masyarakatnya. Walau pun undang-undang itu didapati tertulis, tetapi ianya tidak semestinya dipakai, kerana biasanya undang-undang itu diawasi oleh raja atau pemerintah. Tegasnya perkataan rajalah yang sebenarnya undang-undang.

Mengenai perkara tanah, juga terdapat sedikit perbadaan. Mengikut adat Perpatih, sekeping tanah yang belum pernah dibuka, jika tanah itu dikerjakan, maka tanah itu boleh menjadi milik orang yang mengerjakannya.

(1) Antara lain terdapat undang-undang yang melarang rakyat biasa memakai pakaian kuning tanpa kebenaran, dan larangan keris yang berhulu emas.

Jika tanah itu telah menjadi milik seseorang terlebih dahulu, orang yang empunya itu boleh mendapatkan sedibayaran kerana kehilangan miliknya. Namun keadaan yang begini tidak berlaku keatas adat Temenggung kerana adat itu menganggap tanah itu dimiliki sepenuhnya oleh orang yang mengerjakan nya.

Keistimewaan yang diberikan oleh adat Perpatih kepada pihak perempuan adalah difikirkan sesuai dengan konteks masyarakat zaman itu. Dizaman dahulu masyarakat telah mensifatkan kaum perempuan sebagai kaum yang lemah. Oleh kerana itulah keistimewaan dari segi pembahagian harta harus diberikan. Perkara ini adalah sebaliknya pada adat Temenggung. Walau bagaimana pun dalam tulisan ini bukanlah untuk mencari penilaian dari segi baik buruknya adat-adat ini, kerana untuk tujuan itu memerlukan kajian yang mendalam dari berbagai aspek kehidupan manusia.

Dengan perbandingan yang umum ini, ternyata kepada kita bahawa tiori politik antara kedua adat ini sangat berbeda. Dalam perkara undang-undang dan hukuman mungkin dapat dibahasakan. Namun satu perkara yang nyata ialah tiori politik masyarakat yang beradat Perpatih telah mengamalkan corak pemerintahan yang bersifat 'demokrasi'. Manakala masyarakat adat Temenggung lebih mengamalkan sistem 'Autokrasi'. Adat Perpatih masih boleh diperbahaskan dengan mendalam kiranya terdapat beberapa kekeliruan mengenainya.

Adat Perpatih Hari Ini, (tinjauan serintas lalu)

Adat adalah salah satu cabang kebudayaan. Dinamis adalah salah satu dari ciri-ciri umumnya. Tegasnya sesuatu adat itu tidak statis. Adat boleh berubah mengikut keadaan masa dan suasana. Begitulah yang berlaku pada adat Perpatih pada hari ini. Penyesuaian yang berlaku adalah disebabkan oleh pembangunan negara hari ini yang berasaskan pada kemajuan Sains dan Teknologi. Dengan itu cara hidup manusia di zaman dahulu sudah jauh berbeza dengan keadaan di hari ini.

Dalam keadaan negara yang sedang giat diperolek-perolek pembangunan yang berasaskan Sains dan Teknologi, banyak aspek-aspek kebudayaan yang telah diubahsuaikan mengikut keadaan dan suasana. Walau bagaimana pun perkembangan ini tidak pula bererti menghapuskan sama sekali dasar-dasar yang telah menjadi panduan hidup sebelumnya.

Memang banyak aspek-aspek adat ini telah diubahsuaikan mengikut keadaan dan masa kini. Antaranya termasuk lah soal tanah, hubungan keluarga dan cara hidup sehari-hari. Ciri-ciri hidup bersama dalam satu keluarga besar telah berubah kepada cara hidup yang lebih bersifat individu. Kehidupan bersama di satu rumah besar (Rumah Gedang) telah berubah kepada hidup dengan yang lebih kecil yang hanya dianggotai oleh ayah, ibu dan anak-anak sahaja.

Perubahan sikap juga telah membuktikan, bahwa masyarakat yang beradat Perpatih tidak sekolot yang disangka. Kalau sikap yang dahulu kita dapati ibu bapa tidak mengambil berat terhadap pendidikan, (pendidikan yang formal di sekolah) terutama terhadap anak-anak perempuan, tetapi keadaan ini telah berubah. Tegasnya kata-kata yang berbunyi "E Untung perempuan dinanti-nantikan " tidak lagi sesuai dengan masa kini.

Peraksanaan dalam majlis-majlis perkahwinan telah banyak mengalami pengubahsuaian mengikut cara-cara moden. Upacara-upacara yang difikirkan tidak mustahak dan membazirkan telah banyak ditinggalkan. Ini adalah selaras dengan perubahan pemikiran masyarakat terhadap kepentingan-kepentingan yang lain, khususnya terhadap pelajaran dan pendidikan anak-anak dimasa hadapan. Perubahan juga berlaku pada cara-cara pembahagian harta dan lain-lain aspek dalam adat Perpatih .

Dengan itu bolehlah dibuat kesimpulan bahwa adat perpatih yang kita temui hari ini bukanlah merupakan adat yang 100% asli. Ia lebih merupakan sesuatu yang telah mengalami perubahan dan perkembangan sesuai dengan keadaan dan zaman. Apakah adat itu mengizinkan perubahan? Disinilah logiknya kata-kata;

Nan elok dipakai, nan buruk dibuang
 Usang dibaharui, lapuk dikenjangi
 Melihat tuah padayang menang
 Melihat contoh pada yang sudah.

BIBLIOGRAPHI

1. Abd.Rahman Haji Mohamad, Dasar-Dasar Adat Perpatih,
Pustaka Antara, K; Lumpur. 1964.
2. Humphrey, J.L. , A Nunning Wedding Speech, Satu
Kajian untuk latihan ilmiah. 1964.
3. Hanka, Adat Perpatih Dalam Revolusi, Djakarta. 1960.
4. Harun Aminurachid, (ed) Kajian Fuisi Melayu,
Pustaka Melayu, Singapura. 1962.
5. Ismail Hussein, Sastera dan Masyarakat, Pustaka
Zakry Abadi, K.Lumpur. 1974.
6. Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan,
(Socio-political Structure in Indonesia)
Djakarta. 1973.
7. Lufti Abbas, Linguistik Diskriptif dan Mahu Bahasa
Melayu, DBP, K.Lumpur. 1971.
8. Mansor Bahari, Bunga Rampai Kebudayaan, Terbitan dari
Jabatan Kebudayaan & Kesenian GPMK. 1962.
9. Mohd. Nazrom, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Bulan
Bintang Djakarta, 1971.
10. M. Rasjid Manggis, Negeri Sembilan dan Hubungannya
Dengan Minangkabau, Pustaka Saadijah,
Bukittinggi, Sumatera. 1974.
11. Mohd. Rais Yatin, Traditional Rairachy of Adat Perpatih
in Negeri Sembilan, Satu Latihan Ilmiah
D.A.Hons di University Singapura. 1965.

12. Wilkinson, R.J., Papers on Malay Subject, Oxford University Press, London, 1971.
13. Winford, R.O., History of Negeri Sembilan, dalam JMBRAS, Volume XII, 1934.
14. ~~-----~~, A Digest of Customary Law of Sungai Ujung dalam JMBRAS, Vol. XXII, 1954.
15. ~~-----~~, The Malays, A Culture History, Rout & Kegan Paul Ltd. London, 1958.
16. Mainal Abidin Ahmad, Kelita Bahasa Melayu III, D.B.P. Kuala Lumpur, 1962.
17. ~~-----~~, Ilmu Konrarang Melayu, D.B.P. Kuala Lumpur, 1964.
18. ~~-----~~, Kelung unga (Pilihan dan petikan Bangsan uisi Melayu Lama) D.B.P. Kuala Lumpur, 1964.

----- XXXIX -----

Mobaraqa sumber tambahan dari Vertas Forja dalam Seminar Menasejarahkan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Kelia Negeri Sembilan pada 9hb - 12hb April 1974, di Seremban.

1. Abbas Haji Ali, Sechharian Dari Dasar Adat (satu tinjauan secara umum)
2. Azizah Kassim, Kodudukan Annita dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan.
3. Haji Abdullah Fidon, Adat dan Modenasasi.
4. Hachim Ghani, Kata Perbilangan dan Tafsirannya.

5. Khoo Kay Kim, Sistem Politik Negeri Sembilan.
6. Mansor Jamaludin, Kongon Harta Dalam Adat Perpatih.
7. Mohd. Dahlan Mansor, Minangkabau dan Negeri Sembilan,
Tinjauan kaitan sejarah & Kebudayaan.
8. Hordin Solat, Pemimpin Dalam Adat Perpatih.
9. Nais Yatim, Undang-Undang Adat Perpatih, satu
tinjauan : Common Law dan Equity
satu tinjauan perbandingan.
10. Shamsul Anzi, Politik Adat Perpatih.